

# Bersyukur dengan berkorban di Aidiladha

منجو كريضاءن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كولان قوسة دعوه اسلاميه

**TIDAK** lama lagi sekalian umat Islam akan menyambut kedatangan Hari Raya Adha atau Hari Raya Korban yang juga dikenali dengan Aidiladha. Hari Raya Adha atau Hari Raya Korban adalah hari umat Islam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dalam menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan kesabaran anaknya, Nabi Ismail. Kata 'Adha' adalah daripada kata *dahiyah* yang bermaksud penyembelihan haiwan tertentu jenisnya daripada ternakan yang dikategorikan sebagai *al-an'am*, iaitu unta, lembu, kerbau, biri-biri dan kambing.

Pada Hari Raya Adha inilah umat Islam disunatkan melaksanakan ibadah korban. Ibadah korban boleh dilakukan selama empat hari mulai apabila berlaku masa dua rakaat Sembahyang Sunat Aidiladha berserta khutbah sehingga sebelum terbenamnya matahari pada Hari Tasyrik, iaitu 13 Zulhijah.

Hadis yang diriwayatkan oleh Ummul Mu'minin Aisyah Radhiyahuanha, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Tidak melakukan seseorang amal pada Hari Raya yang lebih disukai Allah daripada menumpahkan darah (menyembelih korban), sesungguhnya korban itu akan datang pada hari kiamat dengan tanduk, bulu dan kuku kakinya. Dan sesungguhnya darah korban itu jatuh daripada Allah pada satu tempat kemuliaan sebelum jatuh ke bumi, maka sukakanlah kamu dengan korban itu".*

(Riwayat Imam at-Tirmizi)

Hadis ini menjelaskan bahawa ibadah yang afdal dilaksanakan pada Hari Raya Adha adalah dengan melaksanakan korban. Ini kerana, di akhirat nanti binatang tersebut akan menjadi tunggangan bagi orang yang berkorban meniti titian sirat.

Seperti yang diketahui, daging korban itu terbagi kepada dua jenis, iaitu korban wajib yang bermaksud korban yang dinazarkan dan yang kedua adalah korban sunat. Bagi korban wajib, kesemua daging korban itu hendaklah disedekahkan mentah-mentah termasuklah daging, kulit dan tanduk binatang yang dikorbankan tersebut dan haram hukumnya bagi orang yang berkorban wajib serta orang-orang yang ditanggungnya untuk memakan daging

tersebut. Seandainya orang yang berkorban wajib ataupun orang-orang bawah tanggungannya memakan daging dari binatang yang dikorbankannya, maka wajib bagi mereka untuk mengganti daging tersebut dan disedekahkan.

Bagi korban sunat pula, sebahagian daripada daging korban itu hendaklah disedekahkan mentah-mentah pada fakir dan miskin, manakala sunat pula bagi mereka yang berkorban untuk memakan sedikit dari daging binatang yang dikorbankannya itu dan jika daging tersebut ada lebihannya, maka orang yang berkorban itu bebas melakukan apa saja pada daging tersebut sama ada ingin disedekahkan atau dimakan ataupun dijadikan jamuan. Namun terdapat dua cara yang lebih mudah dan lebih afdal dalam pembahagian daging korban sunat tersebut, iaitu :

**Pertama**, sedekahkan kesemuanya kepada fakir dan miskin dan meninggalkannya sedikit dalam kadar beberapa suap untuk diambil dan makan untuk mengambil berkat.

**Kedua**, seperti daripada daging korban tersebut disedekahkan kepada fakir miskin, sepertiganya lagi dihadiahkan kepada bukan fakir miskin dan sepertiga yang terakhir diambil untuk dimakan.

Namun perlu diingatkan juga bahawa daging korban adalah haram hukumnya

untuk dijual dan disedekahkan kepada orang yang bukan beragama Islam, walaupun orang tersebut tergolong dalam golongan fakir miskin. Tetapi jika orang beragama Islam yang menerima dan menjadi pemilik daging korban tersebut menjualnya kepada orang lain dan hukumnya adalah harus dan sah.

Setiap amal kebajikan yang dilakukan memang ada ganjarannya yang tersendiri dari Allah Subhanahu Wata'ala, begitu juga dengan ibadah korban. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha dalam mengerjakan salah satu ibadah agung seperti ibadah korban ini untuk mendapat ganjaran besar yang telah disediakan bagi orang-orang yang melaksanakannya. Sesungguhnya ibadah korban ini amat digalakkan untuk dilakukan bagi orang yang menepati syarat-syarat berkorban berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kautsar, ayat 2 yang tafsirnya :

*"Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhan mu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya)".*

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberi kita kekuatan dan petunjuk dalam melaksanakan segala perintah-Nya sebagai bukti ketiaataan kita sebagai makhluk-Nya dan seterusnya melayakkan kita untuk mendapatkan tempat di syurga di akhirat kelak.

## Kemasukan 524 pelajar baharu UNISSA, dalam norma baharu



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima kemasukan pelajar baharu UNISSA bagi Sesi 2020 / 2021.

**GADONG**, Isnin, 27 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini menerima kemasukan seramai 524 pelajar baharu bagi sesi 2020 / 2021, iaitu peningkatan jumlah dengan purata pelajar yang mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat Lepasan Ijazah, Sarjana Muda dan Diploma.

Pecahan jumlah, iaitu pelajar Sarjana Muda dan Diploma (Under Graduate) adalah seramai 405 pelajar, manakala yang mengikuti di peringkat Lepasan Ijazah (Post Graduate) adalah seramai 119 pelajar.

Kemasukan pelajar antarabangsa pada sesi pengajian 2020 / 2021 ini juga memperlihatkan kenaikan signifikan, di mana UNISSA menerima kemasukan seramai 53 pelajar antarabangsa dari pelbagai negara.

Pendaftaran Kemasukan Pelajar-Pelajar Baru Sesi Pengajian 2020 / 2021, sekali gus menandakan bermulanya Minggu Ta'aruf dalam bentuk norma baharu ini dikendalikan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan

Pejabat Pengurusan Akademik dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Proses pendaftaran pelajar baharu tahun ini dilaksanakan dengan pengambilan pek pelajar dan seterusnya menandatangani dokumen perjanjian dan Ikrar Pelajar sebagai langkah pencegahan dan pengawalan pandemik COVID-19.

Minggu Ta'aruf UNISSA dijadualkan berjalan selama empat hari yang bermula hari ini dan akan berakhir pada 30 Julai 2020 dan hanya melibatkan beberapa acara yang telah dijadualkan secara dalam talian dan sebahagiannya adalah secara bersemuka.

Beberapa pengisian aktiviti berupa sesi taklimat akademik dan pentadbiran, khidmat masyarakat, forum pelajar dan persidangan mini akan dilaksanakan sepanjang Minggu Ta'aruf ini.

Pelajar-pelajar baharu dikehendaki untuk mendapatkan maklumat dengan mengakses laman sesawang khas sempena Minggu Ta'aruf yang disediakan, iaitu [www.unissa.edu.bn/studentportal/taaruf](http://www.unissa.edu.bn/studentportal/taaruf).

Dalam ucapan alu-aluan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norrfan bin Haji Zainal merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke atas kejayaan para pelajar mengikuti pengajian di UNISSA bagi sesi pengajian 2020 / 2021.

Dr. Awang Haji Norrfan turut mengongsikan bahawa penubuhan UNISSA adalah merupakan mercu tanda keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri untuk menjana ilmuwan bertakwa sebagai pemangkin Negara Zikir yang merupakan aspirasi murni baginda.

Menurutnya, umat manusia kini berhadapan dengan cabaran semasa apabila gelombang Revolusi Industri 4.0 (The Fourth Industrial Revolution) yang telah membawa perubahan besar kepada gaya hidup, persekitaran pembelajaran dan cara kita berfikir.

Cabaran ini semakin kompleks dengan penularan COVID-19 di


seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam yang menuntut perubahan drastik terhadap perkembangan pengajaran dan pembelajaran, dan ini tidak terkecuali di UNISSA.

Oleh yang demikian, Dr. Awang Haji Norrfan berharap agar para pelajar selain memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kerohanian, mestilah juga mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu kemahiran, termasuk memiliki kefahtaman menyeluruh mengenai teknologi serta berfikiran jauh ke hadapan kerana kita sekarang berinteraksi dengan mesin atau komputer dan perhubungan segala-galanya bergantung kepada rangkaian internet atau dikenali sebagai *internet of things*.

Semua ini diambil perhatian sewajarnya di UNISSA dengan meletakkan Islam sebagai teras segala ilmu yang dipelajari. Inilah keunikan yang ada pada UNISSA berbanding universiti-universiti lain, jelasnya.

Objektif Minggu Ta'aruf diadakan adalah untuk memperkenalkan kepada para pelajar baharu tentang budaya pembelajaran di UNISSA, di samping memberikan peluang untuk mengenali sistem pentadbiran UNISSA.

Minggu Ta'aruf ini juga memberikan peluang kepada para pelajar baharu untuk lebih memahami program pengajian yang telah dipilih dan sekali gus bersuai kenal dengan warga UNISSA termasuk tenaga tadbir, ahli akademik dan kakitangan sokongan UNISSA.



ANTARA pelajar baharu UNISSA yang akan memulakan sesi pembelajaran mereka bagi Sesi 2020 / 2021.